

D.R. 12/2023

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2022 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud yang tertentu bagi tahun itu.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbekalan Tambahan (2022) 2023.

Perbelanjaan tambahan bagi tahun 2022

2. Maka dengan ini dibenarkan pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi enam puluh bilion satu ratus tujuh puluh empat juta sembilan ratus dua puluh lapan ribu ringgit (RM60,174,928,000) daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan tambahan untuk perkhidmatan dan maksud yang dinyatakan dalam Jadual bagi tahun 2022 yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan 2022 [Akta A1638].

JADUAL

<i>Maksud</i>	<i>Tajuk</i>	<i>Amaun (RM)</i>
B. 4	Suruhanjaya Pilihan Raya	84,822,600
B. 10	Perbendaharaan	1,191,328,300
B. 11	Perkhidmatan Am Perbendaharaan	52,776,595,400
B. 12	Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun	2,241,548,100
B. 14	Kementerian Perpaduan Negara	14,097,600
B. 21	Kementerian Pertanian dan Industri Makanan	24,531,500
B. 25	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna	2,058,146,000
B. 42	Kementerian Kesihatan	676,518,300
B. 60	Kementerian Pertahanan	303,726,600
B. 63	Kementerian Pendidikan	803,613,600
JUMLAH		60,174,928,000

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pengeluaran wang daripada Kumpulan Wang Disatukan sebanyak enam puluh bilion satu ratus tujuh puluh empat juta sembilan ratus dua puluh lapan ribu ringgit (RM60,174,928,000) untuk perkhidmatan dan maksud yang dinyatakan dalam Jadual bagi tahun 2022.

[PN(U2)2166]